

09 OCT 1997

#### RINGGIT CATAT PEMULIHAN MENAKJUBKAN

Oleh: Minggu Simon Lhasa

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Setelah dibelasah hampir tiga bulan, ringgit bangkit untuk mencatatkan pemulihan yang menakjubkan hari ini, kembali ke tahap 3.0550 daripada tahap rendah 3.41 minggu lepas.

Walaupun ia masih jauh daripada tahap 2.52 yang mana ekonomi akan dapat berkembang dengan selesa, para penganalisis berkata bahawa ia adalah satu tanda bahawa mata wang tempatan berkecenderungan untuk kembali seperti biasa tidak lama lagi.

Lantunan dalam dua hari lalu adalah kerana jangkaan positif terutama mengenai belanjawan akan datang yang akan dibentangkan di Parlimen pada 17 Okt oleh timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun demikian, pasaran masih turun-naik dan arah alirannya dalam beberapa minggu ini akan bergantung kepada apa yang akan dikemukakan oleh Anwar, tetapi jangkaan adalah beberapa langkah akan diperkenalkan untuk kebaikan ekonomi serta ringgit.

Mengenai pasaran semasa, seorang peniaga berkata "pada asasnya, ia adalah satu pusingan besar untuk mengambil untung dengan para pemain tidak sabar untuk melepaskan pegangan dolar Amerika sebelum hari belanjawan," tambahnya.

Khabar angin kononnya Bank Negara telah campur tangan dalam pasaran sejak dua hari lalu serta cakap-cakap bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan menyuntik AS\$3 trilion (kira-kira RM9 trilion) untuk membantu ekonomi Asean turut membantu pasaran.

Satu lagi berita yang menyokong pasaran ialah IMF dan Bank Dunia menyokong langkah perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed untuk menangani dagangan spekulatif dan mengadakan pasaran khas untuk dagangan mata wang.

Apabila ringgit pulih, pemain-pemain korporat, yang telah membeli dolar Amerika terutama semasa dolar/ringgit mencecah tahap 3.4 lebih seminggu lalu, turut sama menjual ringgit.

Seorang lagi peniaga berkata "peningkatan ringgit berbanding dolar Amerika adalah baik, tetapi mungkin tidak hebat...banyak yang akan bergantung kepada apa yang akan terkandung dalam belanjawan negara."

Kebanyakan pemain bersetuju bahawa ringgit akan kekal di atas tahap RM3.00 bagi seunit dolar sebelum hari belanjawan.

Walaupun ringgit telah mengukuh, kenaikannya akan "tersekat" pada tahap RM3.00 kerana masih terdapat permintaan yang banyak untuk dolar terutama oleh sektor korporat, kata seorang peniaga. -- BERNAMA

MSL SIA